

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. TUAN SU KEONG SIONG

KAWASAN : IPOH TIMOR

TARIKH : 11 JUN 2014, RABU

SOALAN:

YB. TUAN SU KEONG SIONG (IPOH TIMOR) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan jumlah kemalangan jalan raya yang berlaku di antara KM310 ke KM300 (arah Utara) Lebuhraya Utara – Selatan - kawasan Gua Tempurung dari tahun 2000 ke 2014. Sila nyatakan langkah-langkah keselamatan dan/atau pencegahan yang telah diambil untuk mengurangkan kemalangan yang berlaku di kawasan tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan statistik kemalangan yang direkodkan oleh pihak PLUS, terdapat 936 kes kemalangan dicatatkan antara KM310 hingga KM300 (arah utara) Lebuhraya Utara – Selatan untuk tempoh dari tahun 2000 hingga 30 April 2014.

Lokasi kemalangan di KM310 hingga KM300 (arah utara) Lebuhraya PLUS ini tidak tertumpu di kawasan yang sama atau kawasan ‘blackspots’ yang spesifik. Faktor utama kemalangan ialah disebabkan oleh kecuaian manusia, seperti pemanduan melebihi had laju dibenarkan, mengantuk di samping faktor-faktor lain seperti faktor mekanikal kenderaan. Walaupun begitu untuk mengurangkan risiko kemalangan, kementerian ini melalui pihak PLUS telah melaksanakan beberapa penambahbaikan keselamatan melibatkan skop mitigasi kejuruteraan jalan seperti berikut:

1. Menaik taraf rel pengadang daripada 4 meter jarak antara tiang kepada 2 meter jarak antara tiang;
2. Menaik taraf rel jambatan sedia ada kepada parapet konkrit di KM301.6 & KM302;
3. Pemasangan ‘road stud’ di kawasan selekoh;
4. Pemasangan papan tanda ‘chevron’ di kawasan selekoh;
5. Pemasangan ‘reflective sticker’ di tiang-tiang rel pengadang untuk meningkatkan jarak penglihatan dan ‘delineation’ pada waktu malam;

6. Pemasangan papan tanda amaran dan peringatan had laju; dan
7. Pemasangan ‘high performance road marking’ dan penanda jalan dari jenis‘vibra-line’.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tindakan dan langkah intervensi yang bersesuaian akan terus dilaksanakan oleh pihak PLUS dari semasa ke semasa bagi tujuan meminimumkan risiko kemalangan di sepanjang Lebuh Raya Utara - Selatan.

Sekian. Terima kasih.